



INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS DARULAMAN
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN
Tel: 04-9148300 Fax: 04-9175492

MEMO DALAMAN

Kepada : SEMUA PELAJAR PPISMP & PISMP	Tarikh : <u>17 Januari 2022</u> 14 Jamadil Akhir 1443H
	Perkara : SESI KULIAH SEMESTER JANUARI – JUN 2022
Daripada : Pengarah	s. k. : 1. Timbalan Pengarah 2. KJ Jab. Hal Ehwal Pelajar 3. KJ Jab. Kecemerlangan Akademik 4. Penyelaras PPISMP & PISMP
Ruj. Kami : IPGKDA 600- 1/1 Jld. 3 (39)	

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sesi kuliah bagi pengajian semester Januari – Jun 2022 akan bermula pada **6 Februari 2022**. Pelaksanaan kuliah, lain-lain aktiviti akademik dan pembangunan insaniah akan dijalankan secara **bersemuka sepenuhnya**.

3. Sehubungan itu semua pelajar yang telah lengkap dua dos vaksin dikehendaki kembali ke kampus seperti ketetapan berikut :

TARIKH	PROGRAM & AMBILAN
4 Februari 2022	PPISMP JUN 2021
	PISMP JUN 2020
5 Februari 2022	PISMP JUN 2021
	PISMP JUN 2019
	PISMP JUN 2018

4. Semua pelajar dikehendaki melakukan Ujian Kendiri Covid-19 **dua hari sebelum tarikh kembali ke kampus**. Jika positif, pelajar dikehendaki hadir di pusat kesihatan terdekat untuk mendapatkan pengesahan pegawai perubatan.

5. Pelajar yang positif Covid-19 (disahkan oleh pegawai perubatan) dan pelajar yang masih belum lengkap dua dos vaksin dikehendaki dengan segera menghubungi En Muhammad Sayuti bin Abdul Shukor, Ketua Unit Disiplin dan Kebajikan Pelajar di talian 0194567274.

Kerjasama serta perhatian saudara / saudari amatlah dihargai dan didahului ucapan terima kasih. Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(KOL. KEHORMAT (PA) HJ HASHIM BIN ASMAN)
Pengarah
Institut Pendidikan Guru
Kampus Darulaman.